



MUSA Ahmad (dua dari kanan) beramah mesra dengan Lokman Ab. Rahman (tengah) sambil diperhatikan para tetamu yang lain selepas menghadiri Program *Professional Halal Analyst* di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Industri makanan, minuman di Malaysia

Eksekutif halal sangat perlu

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ SEREMBAN 6 NOV.

KEPERLUAN eksekutif halal atau panel syariah dalam industri halal adalah lebih kritikal dan mendesak khususnya dalam industri makanan dan minuman dalam negara ini.

Presiden Persatuan Profesion Eksekutif Halal Malaysia (Pehma), Dr. Lokman Ab. Rahman berkata, perkara itu melibatkan bahan mentah, ramuan, formulasi, pemrosesan, penyediaan, pengendalian dan pengangkutan sehingga produk tersebut sampai kepada pengguna.

Katanya, di setiap peringkat pengeluaran produk adalah terdedah kepada pencemaran silang atau *cross contamination*, sama

ada yang melibatkan najis, perkara haram, syubhah dan unsur-unsur yang membahayakan.

"Kita yakin usaha yang dibuat oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu adalah langkah yang amat baik bagi membantu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam memperkasakan eksekutif halal di negara ini," katanya semasa berucap merasmikan Program *Professional Halal Analyst* di USIM, Nilai dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad; Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM), Prof. Madya Dr. Alina Abdul Rahim; Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech, Ahmad Husni Johari dan Naib Presiden Operasi Halal Industri Development Corporation (HDC), Norhariti Jalil.

Katanya, kerajaan amat mengambil berat terhadap kehendak industri dan perkara itu adalah berdasarkan kepada standard Malaysia MS1500:2009 serta manual prosedur pensijilan halal Malaysia yang terkini.

"Maka dalam keadaan itu, kerajaan telah menetapkan keperluan bagi syarikat untuk melantik eksekutif halal dari kalangan mereka yang mempunyai latar belakang dalam bidang syariah atau bidang yang berkaitan halal," tegasnya.

Justeru kata Lokman, amat perlu perkara ini diberikan tumpuan lebih dalam modul kursus eksekutif halal yang meliputi pemantapan dasar dan prinsip syariah, fiqh dan usul fiqh, prinsip fatwa dan isu fatwa semasa, berkaitan halal, standard yang berkaitan makanan, kosmetik, barang guna, kulit, bulu dan tu-

lang, pergudangan, logistik dan farmaseutikal dan seumpamanya.

"Bidang yang diberi keutamaan dan tumpuan dalam pensijilan pengurusan halal ialah, sistem jaminan halal, audit halal, prosedur dan standard pensijilan halal Malaysia, protokol antarabangsa dan banyak lagi," ujarnya.

Tambahnya, usaha yang dilakukan oleh USIM itu amat baik bagi membantu Jakim dalam memperkasakan eksekutif halal di negara ini apatah lagi, USIM, TPM Biotech dan HDC mempunyai kepakaran dalam bidang penyelidikan produk halal.

Sehubungan itu juga, sudah sampai masanya Jakim bertindak tegas kepada mana-mana pemegang sijil halal yang melanggar dasar syariah yang telah ditetapkan berdasarkan pindaan Akta Perihal Dagangan 2011.